

JALINAN KESUKANAN MALAYSIA-CHINA: MEMPELAJARI KEJAYAAN CHINA

HAMEDI MOHD ADNAN
& SARIMAH ISMAIL

ABSTRAK

Olimpik Beijing 2008, merupakan Sukan Olimpik musim panas ketiga yang dianjurkan di Asia selepas Tokyo 1964 dan Seoul 1988. Jacques Rogge, Presiden IOC telah mengiktiraf penganjuran Olimpik Beijing 2008 sebagai yang terbaik dalam sejarah penganjuran Sukan Olimpik dunia. Kenyataan ini telah memartabat dan mengiktiraf Asia sebagai penganjur terbaik sukan bertaraf dunia itu. Kejayaan yang dicapai oleh atlet-atlet China dalam Olimpik Beijing telah meletakkan kedudukan atlet Asia pada tahap membanggakan dan ini telah memperkuuhkan lagi jalinan hubungan kesukanan antara negara-negara Asia dan Eropah dengan China. Malaysia adalah antara negara yang menjalin hubungan erat dari segi latihan kesukanan dengan China. Keupayaan China melahirkan atlet-atlet sukan bertaraf dunia telah menjadikan negara tersebut antara destinasi utama latihan atlet Malaysia di luar negara. Penghantaran atlet-atlet Malaysia menjalani latihan di China, bukan sahaja bertujuan memberikan pendedahan sukan profesional kepada atlet negara, tetapi juga bagi mewujudkan jalinan hubungan antara tamadun yang boleh dipelajari antara kedua-dua negara, khususnya dari segi kesukanan. Jalinan kerjasama dalam bidang kesukanan dengan kedua-dua negara (Malaysia-China) amat sedikit dibincangkan, justeru artikel ini membincangkan kerjasama yang telah sedia terjalin dan yang dapat dijalankan antara kedua-dua negara dalam bidang ini.

Kata kunci: Olimpik Beijing 2008, hubungan kesukanan, Malaysia – China.

PENDAHULUAN

Hubungan sukan dan kerajaan Republik Rakyat China terjalin sejak Parti Komunis China (PKC) di bawah pemerintahan pemimpinnya, Mao Tse-Tung menguasai negara tersebut pada tahun 1949. Sekali gus ia meletakkan sukan sebagai sebahagian daripada budaya (*subculture*) dalam sistem sosial masyarakat negara itu. Kane (1996) menyatakan Amerika juga telah meletakkan sukan sebagai salah satu institusi utama dalam budaya masyarakat mereka sebagaimana Republik Rakyat China. Sukan dari segi sejarah dan sosiologi China saling bergantungan dengan budaya fizikal, sosial dan politik. Ping (1995) menyatakan China telah bangkit sebagai kuasa besar (superpower) sukan dunia dan kejayaan ini terhasil

daripada ideologi sukan yang dibentuk oleh kerajaan, struktur kerajaan, pendidikan bersepadu, *mass sport* dan *competitive sport* yang telah dibina sejak pemerintahan Mao dan telah diteruskan oleh pemimpin-pemimpin China selepas Mao.

Sukan antara cara yang telah digunakan sebagai senjata perang saraf (*psychological warfare*) paling berkesan dalam persaingan antara negara kuasa besar—Amerika Syarikat dan Kesatuan Soviet (USSR) semasa Perang Dingin. Melalui acara-acara sukan yang disertai oleh China, ideologi kerajaan Republik Rakyat China dikembangkan kepada negara-negara luar dan kekuatan sebenar China ditonjolkan. Kesan strategi perang saraf itu secara tidak langsung telah berjaya mewujudkan pengaruh China dan berjaya memunculkan China sebagai kuasa besar sukan yang terhebat pada hari ini.

Kemuncak kejayaan China sebagai gergasi sukan dunia (OIC, 2008) terserah atas kejayaan yang cemerlang dan gemilang sebagai penganjur Sukan Olimpik Beijing 2008 atau secara rasminya dikenali sebagai Sukan Olimpik XXIX. Republik Rakyat China juga menjadi negara yang paling banyak mengutip pingat emas dalam kejohanan Olimpik tersebut. Kejohanan sukan yang bermula dari 6–24 Ogos 2008 itu telah mengumpulkan sebanyak 10,500 atlet dari seluruh dunia yang bertanding dalam 302 acara daripada 28 jenis sukan. Kejohanan ini juga menyaksikan 43 rekod baru dunia dipecahkan dan 132 rekod baru sukan Olimpik dicatatkan. China telah menjadi juara keseluruhan dengan kutipan pingat emas sebanyak 51 pingat (daripada 100 pingat keseluruhan), diikuti oleh Amerika Syarikat 36 emas (daripada 110 pingat keseluruhan).

Kejayaan China sebagai tuan rumah bagi kejohanan ini bermula setelah dipilih dalam satu pengundian Jawatankuasa Olimpik Antarabangsa (IOC) pada 13 Julai 2001 semasa Sesi Ke-112 OIC di Moscow. China berjaya mengetepikan hasrat Toronto, Paris, Istanbul dan Osaka untuk menjadi tuan rumah sukan berprestij ini. Sejak dari tarikh tersebut, China tidak lagi menoleh ke belakang. Negara tersebut telah membina segala prasarana sukan terbaik, melatih atlet-atlet terbaik, di samping berusaha untuk meletakkan diri menjadi penganjur Olimpik terbaik, dan seterusnya mahu menjadi negara terbaik dalam sukan dunia ini.

Sokongan kerajaan, pengurusan bersepadu yang efisien serta sokongan seluruh rakyat negara itu amat berbaloi apabila semasa upacara penutup sukan ini dibuat, Presiden OIC, Jacques Rogge mengisyiharkan acara sukan Olimpik Beijing 2008 merupakan “penganjuran sukan yang menakjubkan dan terbaik dalam sejarah Olimpik dunia dan OIC telah membuat pilihan yang tepat dengan memilih Beijing sebagai penganjur sukan ini dan tiada penyesalan timbul dengan pemilihan yang dibuat” (Robinson, 2008).

Sebelum itu, OIC telah berdepan dengan pelbagai kritikan daripada ahli-ahli politik dan badan sukarela (NGO) dunia apabila memilih Beijing sebagai penganjur kejohanan ini. Ini berdasarkan rekod amalan hak asasi manusia (human rights) negara China yang dikatakan amat rendah dan tidak disenangi oleh banyak negara lain di dunia terutamanya Barat. Hal ini ditambahburukkan lagi dengan beberapa tunjuk perasaan di China sendiri daripada pejuang hak asasi yang menyokong gerakan pembebasan Tibet.

Kecemerlangan China dalam penganjuran Olimpik Beijing 2008 dikatakan kebangkitan China yang paling menakjubkan dalam bidang sukan. Dari segi kebangkitan ekonomi, China memang digeruni sebagai Harimau Asia atau “the Tiger of Asia”. Selepas berakhirnya dasar tutup pintu dengan negara luar dan bermulanya hubungan diplomatik dengan negara-negara lain di dunia sekitar awal 1970-an dan dengan Malaysia pada Mei

1975, China bangun membina kekuatan dalam pelbagai bidang termasuk ketenteraan, sains, dan politik. Hari ini Republik Rakyat China disegani atas segala kekuatan yang dimiliki oleh negaranya dan kekuatan ini mampu memberikan kuasa kepada negara ini bersuara di peringkat antarabangsa.

China dan Jepun (Penganjur Bola Sepak Piala Dunia 2006) mewakili kejayaan Asia dalam tadbir urus ekonomi, sukan negara dan antarabangsa yang cemerlang dengan rekod kejayaan kedua-dua negara ini berjaya mengatasi rekod kejayaan penganjuran oleh negara-negara Barat. Atlet-atlet China mendapat kejayaan yang cemerlang dalam hampir kesemua kejohanan sukan yang disertai mereka. Nama-nama besar sukan badminton, sukan terjun, renang dan gimnastik dicatatkan dalam kalangan atlet China. Kejayaan China dalam sukan dan penganjuran sukan menyebabkan banyak negara di Asia, termasuk Malaysia menjalankan hubungan yang erat dengan China dalam bidang sukan.

HUBUNGAN AWAL KESUKANAN ANTARA CHINA DENGAN NEGARA-NEGARA LUAR

Sejarah menunjukkan bahawa jalinan hubungan kerjasama kesukanan antara China dengan Asia telah lama terjalin iaitu sejak dekad 1950-an (Ping, 1995). Negara-negara yang mempunyai ideologi yang sama dengan China mendapat khidmat jurulatih-jurulatih sukan secara langsung dari negara China. Ini dapat dilihat apabila Pentadbiran Sukan Negara China telah menghantar sepasukan jurulatih China ke Vietnam pada tahun 1957 dan ini merupakan jalinan kerjasama China-Asia yang pertama. Sejak itu, di antara dekad 1950-an-1980-an, China telah menghantar ramai jurulatihnya ke negara-negara sedang membangun, terutamanya ke Asia Tenggara bagi melatih olahragawan dan olahragawati di negara-negara tersebut. Penghantaran jurulatih ini adalah percuma dan dibiayai oleh dana khas di bawah Kementerian Kewangan China. Penghantaran jurulatih-jurulatih China ini umpama sambil menyelam minum air, di mana tujuan sebenar China pada masa tersebut adalah bagi meluaskan ideologi komunisnya di rantau Asia Tenggara.

Sungguhpun penyerapan ideologi komunis tidak berjaya dikembangkan sepenuhnya oleh China, namun jurulatih-jurulatih sukan China berjaya dalam memberikan latihan kesukanan kepada pasukan dan atlet beberapa negara di Asia Tenggara. Wu (1992) menyatakan Republik Rakyat China telah menghantar sebanyak 2,324 jurulatih ke-88 buah negara dan benua di Asia, Afrika, dan Amerika Latin. Banyak atlet yang dilatih oleh jurulatih China mendapat kejayaan yang cemerlang dalam kejohanan-kejohanan sukan antarabangsa dunia. Umpamanya atlet renang Thailand yang dilatih oleh jurulatih renang China, Yao Murong (dihantar ke Thailand dalam tahun 1989), telah memenangi 15 pingat emas dalam Kejohanan Sukan Asia Tenggara (SEA Games) dan 1 emas dan 3 perak dalam Kejohanan Terjun Asia 1995.

Kerajaan China juga telah menghantar jurulatih trek dan padang, Chen Meiling bagi melatih atlet Pakistan dalam acara-acara tersebut. Hasilnya, pasukan Pakistan telah berjaya memenangi pingat gangsa pasukan wanita 4 X 100 meter berganti-ganti dalam sukan Asia Ke-4. Li Mao, pernah menjadi jurulatih kepada pemenang pingat perak perseorangan badminton Olimpik Atlanta, Dong Jiong. Pada tahun 1999 beliau berhijrah ke Korea Selatan bagi melatih pemain-pemain utama negara itu termasuk juara badminton Olimpik, Shon Seung Moo dan juara Piala Sudirman, Lee Hyun-il. Jurulatih gimnastik China, Su Shiyao telah berkhidmat selama 10 tahun di Kuwait. Gimnas yang dilatih oleh beliau berjaya memenangi kejohanan berpasukan dan tujuh pingat emas dalam acara gimnastik lelaki di Kejohanan Gimnastik Arab Ke-2 pada tahun 1983.

Kehebatan China dalam sukan bukan sahaja dikagumi oleh Asia, tetapi juga telah mendapat pengiktirafan dari Barat. Eropah dan Amerika telah mengundang jurulatih-jurulatih dari China bagi melatih pasukan sukan tertentu di negara mereka. Chen Xinhua menjadi jurulatih ping pong England selama 13 tahun dan gimnas Amerika, Shawn Johnson memenangi tiga pingat emas dalam Kejohanan Gimnastik Dunia di bawah bimbingan jurulatih China, Qiao Liang atau dikenali juga sebagai Liang Chow. Pada akhir 2007, hasil tunjuk ajar jurulatih China, Lang Ping, pasukan bola tampar wanita Amerika telah berjaya melayakkan diri menyertai Sukan Olimpik Beijing 2008.

Kelab-kelab utama Eropah turut menggunakan khidmat jurulatih sukan China. Jurulatih bola tampar China, Fan Yang telah berkhidmat dengan Kelab Bola Tampar Cannes, Perancis. Fang telah membawa pasukannya menjuarai 11 kejohanan Liga Bola Tampar Perancis di samping 10 Piala Perancis dan dua Piala Eropah. Pada tahun 2007, Fang dilantik sebagai perunding untuk pasukan bola tampar kebangsaan Perancis. Penerjun Australia pula, Chantelle Newbery telah memenangi pingat emas dalam acara terjun pada kejohanan Olimpik Atlanta 2004. Chantelle merakamkan kejayaan tersebut sebagai kejayaan jurulatihnya, Wang Tongxiang dari China yang dianggap sebagai jurulatih yang cemerlang dan terbaik dunia. Wang telah melatih Chantelle selama sembilan tahun. Seorang lagi jurulatih renang dalam acara papan anjal, Teng Hui telah menjadi jurulatih untuk pasukan Canada dan juga Australia. Menurut Teng, sistem pentadbiran sukan China telah menyebabkan kemunculan ramai perenang dan penerjun yang bertaraf dunia di China di mana mereka ini kemudiannya menjadi jurulatih sukan yang hebat dan bertaraf dunia.

HUBUNGAN KESUKANAN MALAYSIA-CHINA

Republik Rakyat China telah menjalinkan hubungan dengan Asia Tenggara sewal tahun-tahun 1950-an lagi. Namun tumpuannya ketika itu lebih kepada negara-negara yang mempunyai ideologi dan dasar politik yang sama sepertinya. Justeru, Vietnam telah mendapat sokongan kesukunan dari China sewal tahun 1957 lagi berbanding negara-negara Asia Tenggara yang lain (Brownell, 1995).

Di Malaysia, Majlis Sukan Negara Malaysia (MSN) telah memainkan peranan yang aktif sebagai agensi utama yang bertanggungjawab ke arah pelaksanaan program pembangunan sukan di negara ini. Dasar Sukan Negara telah menetapkan MSN Malaysia diberi tugas dengan mengambil langkah yang perlu dalam mencapai kecemerlangan sukan hingga ke tahap tertinggi, dengan semangat kesukunan yang tulen, dalam pertandingan peringkat kebangsaan dan antarabangsa serta dengan harapan mempertingkatkan lagi muhibah dan imej negara.

Selaras dengan perkembangan semasa dan hasrat kerajaan untuk menerapkan budaya sukan dalam segenap lapisan masyarakat di negara ini, MSN terus mengorak langkah mempertingkatkan lagi program dan aktivitinya. Tujuannya adalah untuk meneruskan kesinambungan pembangunan dan kemeriahan sukan negara dari peringkat akar umbi hingga ke tahap kecemerlangan. Dalam usaha ini, lima teras telah digabungkan, iaitu kepimpinan kerajaan, kesukarelaan persatuan sukan, tanggungjawab sosial sektor swasta, minat dan penghayatan masyarakat, serta komitmen atlet.

Memandangkan China adalah gergasi sukan di Asia, MSN telah menjalinkan kerjasama dalam pelbagai perkara bagi meningkatkan prestasi sukan negara. Hubungan kesukunan Malaysia-China mula bergerak aktif sekitar dekad 1980-an. Terdapat pelbagai

bentuk kerjasama sukan yang terjalin antara Malaysia-China. Antara kerjasama yang terjalin adalah dalam bentuk kepakaran jurulatih, kemudahan tempat latihan, dan kepakaran pengurusan atlet.

Kerjasama Kepakaran Jurulatih Sukan

Brownell (1995) menyatakan China amat terkenal kehebatannya dalam beberapa jenis sukan tertentu yang menjadi sebahagian budaya masyarakatnya sendiri. Antaranya sukan wushu, badminton, renang, ping pong, dan gimnastik. Kejayaan China dalam sukan-sukan ini dikaitkan dengan kehebatan jurulatih sukan yang dimilikinya, selain faktor-faktor lain. Memandangkan kehebatan itu, Malaysia turut menggunakan khidmat jurulatih China dalam beberapa jenis acara sukan, antaranya badminton, gimnastik, dan renang.

Kerjasama Malaysia-China dalam sukan bermula dari tahun 1980-an lagi menerusi sukan badminton. Kerjasama awal ini terjalin apabila jurulatih Chen Changjie dan isterinya telah melatih pemain perseorangan dan beregu wanita Malaysia. Kebangkitan keluarga Sidik (Razif, Jailani dan Misbun) serta Ong Beng Teong adalah di bawah bimbingan jurulatih China, Tan Yee. Dalam tahun 1990-an, jurulatih China, Han Jian dan Yang Yang telah melatih atlet badminton Malaysia yang terdiri daripada Rashid Sidek, Foo Kok Keong, Cheah Soon Kit, Soo Beng Kiang, Yap Kim Hock, dan Tan Kim Her. Seorang lagi jurulatih dari China, Fang Kaixiang, telah berkhidmat dengan pasukan Malaysia dan telah berjaya membawa pasukan negara memenangi pingat perak dalam pertandingan Piala Thomas. Kejayaan Malaysia mengalahkan pasukan Indonesia pada tahun 1992 telah memberi nafas baru pada sukan badminton negara (ChinaToday, <http://www.chinatoday.com.cn>)

Pada tahun 2005, Li Mao yang pernah berkhidmat dengan pasukan Korea Selatan telah dijemput oleh Persatuan Badminton Malaysia (BAM) untuk melatih pasukan Malaysia. Di bawah bimbingan Li Mao, nama-nama besar pemain badminton Malaysia muncul. Antaranya Lee Chong Wei yang telah menjuarai pelbagai kejohanan dunia termasuk muncul sebagai pemain nombor satu dunia hari ini. Walau bagaimanapun, Li Mao telah kembali ke pasukan Korea Selatan pada tahun 2007 dan tempatnya diganti oleh bekas pemain badminton kebangsaan Misbun Sidek yang kini menjadi jurulatih pasukan Malaysia.

Sukan badminton juga telah menyaksikan penghijrahan pemain badminton kebangsaan China ke Malaysia. Pemain beregu wanita China, Zhang Jiewen yang telah memenangi pingat emas di Sukan Olimpik Athens 2004 dijangka berhijrah ke Malaysia kerana mengahwini bekas pemain beregu kebangsaan Malaysia, Choong Tan Fook. Persatuan Badminton Malaysia dikatakan bakal meletakkan Jinwei dan Tan Fook sebagai pasangan beregu campuran Malaysia pada tahun 2010 (*The Star*, 8 Januari 2009). Jinwei telah bersama pasukan China selama sembilan tahun dan Persatuan Badminton Malaysia juga akan menggunakan perkhidmatan beliau sebagai jurulatih bagi pasukan badminton wanita Malaysia.

Badminton bukanlah satu-satunya sukan yang mendapat suntikan kerjasama jurulatih dari China. Jurulatih-jurulatih dari China juga turut melatih pasukan renang Malaysia. Menurut Pengarah Majlis Sukan Negeri Terengganu, Rosdi Awang, jurulatih China, Wang Li Gen, 46 tahun, telah dilantik menjadi jurulatih renang untuk Terengganu. Wang juga dilantik menjadi penasihat skuad SUKMA Terengganu 2010 di Melaka

(Bernama, 14 April 2009). Sebelum menyertai Terengganu, Wang merupakan jurulatih renang Sarawak selama lima tahun. Perenang Malaysia lain seperti Bryan Nickson dan Eva Wong pernah menjalani latihan renang di bawah bimbingan jurulatih China.

Kerjasama Tempat Latihan dan Teknik Latihan

Selain kerjasama dari segi kepakaran jurulatih bagi sesuatu jenis sukan, kerajaan Republik Rakyat China juga telah bekerjasama dengan Malaysia dari segi penyediaan pusat latihan negara (Malaysia) di luar negara. Kerjasama ini dapat pengurangan kos pembiayaan tempat latihan atlet Malaysia. Haigan Kunming, China merupakan pusat latihan dalam acara sukan terjun dan menjadi salah satu pusat latihan Malaysia di luar negara. Kerjasama yang terjalin antara Majlis Sukan Negara (MSN) dengan Pentadbiran Sukan China telah menyumbang kepada pencapaian cemerlang atlet terjun negara, antaranya Bryan Nickson yang telah memenangi pingat emas acara Sukan Terjun di kejohanan Sukan SEA (MSN, 2009).

Laporan Cawangan Elit (2009) MSN, menyatakan kejayaan China dalam sukan angkat berat dan wushu telah menarik minat MSN menghantar atlet-atlet angkat berat, wushu dan ping pong Malaysia menjalani latihan di sana. Haikou dan Wu Zhi Shan (di Pulau Sanya), China merupakan tempat latihan sukan angkat berat yang disediakan untuk atlet Malaysia menjalani latihan. Di situ, atlet Malaysia menjalani latihan berfasa bagi menghadapi temasya sukan yang berprestij. Jurulatih-jurulatih China disediakan bagi membantu atlet Malaysia menjalani latihan ini.

China mempunyai banyak pusat latihan angkat berat yang terbaik, antaranya di Haikou dan Wu Zhi Shan, iaitu pusat latihan yang disediakan untuk pasukan angkat berat Malaysia menjalani latihan. Pasukan Malaysia menjalani latihan sebanyak dua kali setahun di situ. Setiap fasa memakan masa selama dua bulan. Setiap fasa akan disertai oleh 12 atlet angkat berat di kedua-dua pusat latihan itu. Pasukan angkat berat Malaysia dilatih oleh jurulatih China, Lin Xin Hui yang berpengalaman selama 20 tahun dalam sukan itu. Beliau pernah membawa atlet angkat berat Indonesia memenangi pingat perak di temasya Olimpik 2004 di Athens. Jurulatih Xin Hui, iaitu bekas graduan Universiti Beijing tahun 1990 kini berada di Kuala Lumpur sehingga kontraknya berakhir pada 2011.

Hengding, China pula merupakan tempat atlet sukan ping pong Malaysia menjalani latihan. Di sini atlet Malaysia menjalani latihan sparring bersama-sama atlet dari Negara tersebut. Latihan bersama dengan atlet China, yang kebanyakannya merupakan atlet ping pong dunia membolehkan pemain Malaysia mempelajari teknik-teknik permainan ini dengan lebih berkesan.

China juga telah menyediakan tempat latihan bagi atlet sukan wushu Malaysia. Tiga tempat latihan berasingan di China telah disediakan untuk atlet Malaysia. Tempat-tempat tersebut adalah di Guangzhou, Guang Xi dan Fuzhou. Latihan wushu yang diikuti di China melibatkan atlet wushu bagi menghadapi Sukan SEA 2009 di Laos. Atlet-atlet Malaysia didedahkan dengan teknik sukan wushu yang sistematik di bawah tunjuk ajar jurulatih China.

MEMPELAJARI KEJAYAAN CHINA DALAM SUKAN

Sungguhpun Malaysia sudah lama menjalinkan hubungan kerjasama sukan dengan China, namun kecemerlangan Malaysia dalam sukan masih diperdebatkan. Agensi sukan

di Malaysia seperti Kementerian Belia dan Sukan, Majlis Sukan Negara, dan Kementerian Pelajaran Malaysia telah membelanjakan berjuta-juta ringgit bagi memajukan sukan di Malaysia, tetapi hasilnya masih tidak dapat dibanggakan. Hanya sukan-sukan tertentu sahaja yang menyerlah seperti badminton, skuasy, dan boling. Jenis-jenis sukan lain hanya mampu meraih pingat di peringkat Sukan Asia Tenggara (Sukan SEA) sahaja dan sekali sekala dalam Sukan Asia. Melihat fenomena ini, banyak yang boleh dipelajari oleh Malaysia hasil kejayaan China mengendalikan Sukan Olimpik Beijing 2008 dan seterusnya menjuarai temasya sukan tersebut dengan kutipan pingat emas terbanyak dalam sejarah Olimpik dunia (Economist, 29 Ogos 08).

Sebaik sahaja China dipilih sebagai tuan rumah Kejohanan Olimpik XXIX pada 13 Julai 2001, Republik Rakyat China terus membuat persediaan yang rapi bagi memenuhi peranannya sebagai penganjur. China telah menggabungkan segala kepakaran kejuruteraan, sains dan teknologi bagi menyediakan segala kelengkapan tempat penganjuran mengikut piawai OIC. Dalam masa tujuh tahun itu juga, Pentadbiran Sukan China telah menyepadukan semua kepakaran sukan seperti kejurulatihan, pemakanan, pencarian bakat sukan dan sebagainya bagi melahirkan atlet-atlet yang mampu bersaing dan menjadi juara. Walaupun berhadapan dengan segala kritikan, semasa upacara pembukaan, sepanjang berlangsungnya temasya dan upacara penutup, China telah berjaya menunjukkan kecemerlangan sebagai penganjur yang paling cemerlang dalam kejohanan sukan Olimpik dan seluruh media dunia memberi pengiktirafan ini.

Menurut atlit badminton China, Zhang Jiewen (Star, 8 Januari 2008) kejayaan atlet-atlet China dalam acara sukan bertaraf dunia adalah kerana China mempunyai barisan atlet pelapis yang ramai dan tidak bergantung kepada satu-satu atlet sahaja bagi sesuatu jenis sukan. Teng Hei, atlet terjun China, pula menyatakan kejayaan China dan kelahiran atletnya yang cemerlang adalah kerana sistem tadbir urus sukan China yang sistematik serta bersepada di samping kedudukan sukan sebagai sebahagian daripada budaya China (China Today, <http://www.chinatoday.com.cn>).

Republik Rakyat China telah membuat persediaan rapi selama tujuh tahun, sebagai persediaan untuk para atletnya bersaing untuk kejohanan Sukan Olimpik Beijing. Semua atlet China diletakkan di kem-kem latihan yang disediakan oleh kerajaan. Setiap hari, atlet-atlet ini menjalani latihan pesat yang bermula dari jam tujuh pagi hingga malam dan pada pukul 10 malam semua atlit dikehendaki tidur. Latihan pesat, disiplin, dan pentadbiran yang bersepada merupakan kunci kejayaan sukan kepada China. Di China, menurut Wu (1992), apabila seseorang atlet dipilih, maka ia menjadi milik negara, dan tiada lagi campur tangan keluarga terhadap latihan dan diri atlet tersebut.

Pencarian bakat-bakat baru di China dijalankan di seluruh pelosok wilayah China. Pegawai-pegawai sukan China akan mengenal pasti bakat-bakat sukan dalam kalangan rakyat China seawal umur lima tahun. Kanak-kanak tersebut akan ditempatkan di sekolah-sekolah sukan yang terdapat di hampir seluruh pelosok wilayah China. Kanak-kanak yang terpilih ke sekolah ini akan dilatih dengan tahap disiplin yang tinggi dan atlet-atlet China di awal umur sebegini sudah ditanamkan dengan semangat kesukuan yang tinggi. Sebagai bandingan, Yu Fang dari China (pernah menjadi atlet jarak jauh Malaysia setelah mendapat pemastautin tetap Malaysia) turut menjadi jurulatih di Malaysia. Walaupun sudah berkahwin, beliau masih bersukan kerana atlet China dari seawal umur lima tahun sudah mempunyai hasrat yang satu iaitu "mesti mendapatkan pingat emas dalam Sukan Olimpik". Di China, sejak kecil mereka sudah ada impian untuk beraksi dalam Sukan

Olimpik (Sarimah dan Hassnah, 2005).

Hal ini berbeza dengan Malaysia di mana kebanyakan atlet menganggap Olimpik adalah sesuatu yang amat sukar untuk digapai dan itulah sebahagian daripada halangan yang ada. Selain itu, kebanyakkan pengesanan bakat-bakat sukan dalam kalangan atlet Malaysia dilakukan semasa atlet itu berada di bangku sekolah menengah dalam lingkungan umur 12 tahun ke atas. Pengesanan bakat pada peringkat umur ini dikira agak terlewat untuk diasah sebagai atlet negara kerana mereka akan berhadapan dengan pelbagai kesukaran seperti mempelajari skil teknikal bermain, disiplin, dan latihan yang ketat. Ini menyebabkan latihan yang ketat sukar untuk diikuti mereka sepenuhnya. Malaysia juga tidak mempunyai pegawai-pegawai sukan atau sekolah-sekolah sukan di setiap daerah sebagaimana di China (*The New Straits Times*, 28/4/2009). Ini menyebabkan Malaysia mengalami kesukaran mengesan bakat-bakat sukan berpotensi untuk dikenangkan ke peringkat yang lebih tinggi. Kebergantungan kepada sekolah dalam usaha pengesanan bakat sukan dalam kalangan rakyat Malaysia mengehadkan pencarian bakat-bakat sukan dalam kalangan rakyat Malaysia.

Malaysia perlu meluaskan pencarian bakat-bakat sukan melebihi ruang lingkup sekolah sebagaimana yang dilakukan oleh China. Kaum pribumi di Semenanjung, Sabah dan Sarawak berkemungkinan mempunyai potensi yang baik untuk dikenangkan dalam sukan-sukan tertentu memandangkan corak hidup sehari-hari mereka. Orang Bajau Laut amat terkenal sebagai penyelam dan perenang yang cekap, manakala orang Senoi pula merupakan pejalan kaki yang kuat dan penyumpit yang tepat. Tidak mustahil, bakat sukan renang dan terjun negara terdapat dalam komuniti Bajau Laut dan bakat penembak atau perejam lembing yang tepat dalam kalangan orang Senoi Malaysia. Pencarian bakat sukan perlu diperluaskan melebihi sempadan sekolah dan ini memerlukan sokongan kerajaan dan agensi-agensi sukan terbabit (Sarimah dan Hassnah, 2005).

Malaysia boleh mempelajari banyak perkara daripada kejayaan China mengembangkan sukan sehingga disegani dan dikagumi dunia. Dua dekad dahulu, China hanya memenangi lima emas di Sukan Olimpik Seoul dan pada tahun 2004 negara tersebut memenangi 32 emas di Sukan Olimpik Athens, di tempat kedua di belakang Amerika Syarikat. Dalam Sukan Olimpik Beijing 2008, Amerika terpaksa tunduk kepada China sebagai juara superpower sukan dunia (*Time*, 12 Jun 2008).

Harrison dan Burden (2004) berpandangan bahawa kejayaan dalam sukan sesuatu kaum atau bangsa adalah berdasarkan pandangan kaum tersebut terhadap sukan dan bagaimana sukan diangkat atau diletak dalam masyarakat itu sendiri. Pandangan ini secara tidak langsung mengiakan pendapat jurulatih China, Teng Hui, yang menyatakan serta meletakkan kejayaan China dalam sukan adalah hasil dasar sukan dan sistem Pentadbiran Sukan China yang sistematik dan bersepadu.

Vijesh Rai, wartawan sukan Malaysia menulis, sukan di Malaysia tidak berupaya wujud sebagai satu industri sebagaimana di Barat. Vijesh melihat pembangunan sukan di Malaysia tidak berupaya membangun dan digerakkan secara bersepadu sebagaimana di China ataupun di Barat. Justeru, Menteri Belia dan Sukan perlu melihat semula dasar sukan sekolah dan keperluan perubahan terhadap dasar yang sedia ada sekarang (*The New Straits Times*, 28 April 2008).

KESIMPULAN

Artikel pertama yang ditulis oleh Presiden Mao pada tahun 1917 (Liang & Xiangsu, 1999) telah merujuk kepada betapa pentingnya kemenangan dalam sukan kepada kesedaran nasional (psyche national). Menurut beliau “If our bodies are not strong, how can we attain our goals and make ourselves respect?” (Jika tubuh badan kita tidak kuat, bagaimana kita boleh mencapai matlamat dan membuat diri kita dihormati?). Oleh itu Mao dan pengikutnya meletakkan matlamat kemenangan sebagai asas pembentukan negara China. Matlamat kemenangan menjadi tonggak kejayaan China dalam sukan dan ekonomi dunia sehingga membentuk China yang gemilang pada hari ini.

Sukan dan masyarakat mempunyai hubungan yang tidak langsung di antara satu sama lain. Sukan berupaya memberi perimbangan dalam nilai kehidupan masyarakat dari segi jasmani yang mana ia merupakan nilai tambah kepada kehidupan rohani masyarakat (Oglesby dan Schrader, 2000). Sukan bertindak menyeimbangkan kehidupan dengan memberi kesan terhadap kecergasan dan gaya hidup individu dalam masyarakat sebagaimana yang telah ditegaskan oleh Mao.

Malaysia sebenarnya boleh belajar daripada kejayaan China. Malaysia bukan sahaja boleh belajar bagaimana untuk melahir dan menjadikan atlet kita sebagai juara pingat emas di Sukan Olimpik, tetapi juga kita boleh belajar bagaimana sukan ditadbir urus secara sistematis dan berkesan. Pentadbiran sukan Malaysia harus dibentuk berdasarkan acuan yang teguh dan profesional dan bukan ditukar-tukar setiap empat atau lima tahun sekali atau setiap kali kementerian sukan bertukar menteri. Malaysia harus menjadikan sukan sebagai satu budaya sebagaimana China meletakkan sukan sebagai cara hidup mereka.

Strategi “Winning Pride” dalam sesuatu kejohanan hendaklah dicari bagi mengelakkan Malaysia terus ketandusan pingat, terutamanya pingat emas dalam sesuatu kejohanan antarabangsa yang disertai. China, misalnya, melaksanakan polisi Winning Pride at the Olympic (BOCOG, 2001) semasa menganjurkan Sukan Olimpik 2008, sebagai strategi merangkul pingat emas Olimpik. Strategi ini telah mengenal pasti sukan-sukan yang menjanjikan emas kepada China. Atlet-atlet China dilatih secara sistematis bagi memastikan emas diperoleh mereka dalam acara-acara yang telah disasarkan. Strategi ini telah membawa kejayaan cemerlang kepada China sehingga menjadi juara keseluruhan Olimpik 2008, mengalahkan negara ternama sukan Barat.

RUJUKAN

Abrahamson, Alan. 2 Ogos 2008. Absolutely no regret in coming to China, IOC president says. NBC. Retrieved from: <http://www.nbcolympics.com/blogs/blog=alanabrahamsonsblog/postid=163687.html>.

Asian Week. (2009). Most memorable moments of the 2008 Beijing Olympics. Retrieved on 20 April 2009.

Bernama. 14 April 2009. Terengganu mendapat khidmat jurulatih renang China.

Brownell, S. (1995). *Training the Body for China: Sports in the Moral Order of the People's Republic*. Chicago: University of Chicago Press.

China Today. Chinese coaches training athletes around the world. Retrieved on 26/4/2009. <http://www.chinatoday.com.cn>

Harrison, L., Azzarito, L., & Burden, J., Jr. (2004). Perceptions of athletic superiority: A view from the other side. *Race, Ethnicity and Education*, 7(2), 1949-166.

Luo, Ping. (1995). Political influence on physical education and sport in the People's Republic of China. *International Review for the Sociology of Sport*. Vol. 30, Issue 1.

Majlis Sukan Negara Malaysia. (2009). Senarai jenis sukan program msn menjalani latihan di China, MSN, Malaysia.

New Straits Times. 28 April 2009. Policies stand in way of industry dream.

Oglesby, C & Schrader, D. (2000). Where is the white in the rainbow coalition? In D. Brooks & R. Althouse (Eds.). *Racism in College Athletic: The African-American Athlete's Experience*. Morgantown, WV: Fitness Information Technology.

Qiao Liang dan Wang Xiangsui. (1999). *Unrestricted Warfare*. Beijing: PLA Literature and Arts Publishing House.

Report of the IOC Evaluation Commission for the Games of the XXIX Olympiad in 2008, IOC.

Sarimah Ismail & Hassnah Wee. (2005). The indigenous Bajau Laut and their sea life: A case study on the potential of this tribe in water-related sports. Institut Penyelidikan, Pembangunan dan Pengkomersialan, Universiti Teknologi MARA, Shah Alam.

Star Online. 8 January 2008. China's Zhang Jiewen with the Malaysian badminton.

The Beijing Organizing Committee (BOCOG), retrieved from: <http://en.beijing2008.cn/bocog/>

Time. 12 Jun 2008. China's sports school: Crazy for gold. Time.

Wu, C.H. (1992). Talent identification in China. *New Studies Athletic*, 7(3), Sept.1992.

Xinhua News Agency. 20 Feb 2008. Games help build sport management talent pool for China.